

25 JAN 2002

Suhakam-Tawanan

SUHAKAM DUKACITA TINDAKAN AS TERHADAP TAHANAN

KOTA BAHARU, 25 Jan (Bernama) -- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) melahirkan rasa dukacita dengan tindakan Amerika Syarikat menzalimi tawanan Taliban dan Al-Qaeda di Kem X-Ray, Guantanamo, Cuba.

Anggota Jawatankuasa Suhakam, Datuk Lee Lam Thye berkata tindakan itu bertentangan dengan peraturan dan undang-undang antarabangsa dan perlu dihentikan segera bagi menjamin setiap tahanan perang mendapat hak yang sama.

"Kita dukacita dengan tindakan seperti itu yang betul-betul bertentangan dengan peraturan antarabangsa yang mebenarkan tahanan mendapat haknya," katanya ketika ditemui selepas merasmikan penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah Sekolah Menengah Chung Hwa di sini, hari ini.

Lee berkata Suhakam akan menghantar memorandum untuk menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap tindakan itu.

"Kita akan serahkan memorandum itu kepada Kementerian Luar supaya disampaikan kepada Kerajaan Amerika Syarikat," katanya.

Semalam Majlis Tertinggi (MT) Umno menyuarakan bantahan terhadap tindakan Amerika Syarikat (AS) yang memberi layanan tidak berperikemanusiaan terhadap tawanan Taliban dan Al-Qaeda di kem itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno menyatakan semalam bahawa MT Umno meminta Kementerian Luar menghantar segera memorandum bantahan kepada kerajaan AS bagi menyuarakan protes Malaysia berhubung perkara itu.

Lee berkata Suhakam mahu kerajaan AS menggunakan cara yang betul dalam tindakannya terhadap tawanan Taliban dan Al-Qaeda, bukannya cara kekerasan dan tidak berperikemanusiaan.

Katanya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan tindakan yang boleh dilakukan ke atas tawanan perang seperti itu dan mereka masih diberi peluang untuk mendapat hak mereka.

"Suhakam tidak mahu tindakan itu berterusan, Amerika hendaklah menghentikan segera tindakan itu," katanya.

-- BERNAMA

MNR BD NMO